

Perspektif Baharu Mengenai Islamisme: Memahami Konsep, Idea dan Kerangka Identitinya

A New Perspective on Islamism: Understanding Its Concept, Idea, and Framework of Identity

MUHAMMAD KHALIS IBRAHIM

ABSTRAK

Islamisme merupakan subjek yang terus mendapat perhatian para sarjana. Namun, jika merujuk kepada kajian-kajian lepas, perihal Islamisme telah dibincangkan secara longgar disebabkan, pertama, tidak wujud konsensus mengenai konsep Islamisme dalam kalangan sarjana, dan kedua, persoalan mengenai identiti Islamisme yang tidak diberikan perhatian secara mendalam. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan memfokuskan perbincangan kepada konsep, idea dan kerangka identiti Islamisme. Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai Islamisme, makalah ini mengemukakan perspektif tersendiri mengenai Islamisme dengan melihat kepada ketiga-tiga aspek tersebut. Secara konseptualnya, Islamisme adalah satu bentuk manifestasi bagi ikhtiar manusiawi yang dirancang oleh Muslim yang berkesedaran untuk memastikan Islam mampu berperanan sepenuhnya dalam segenap aspek kehidupan. Sebagai sebuah idea, Islamisme terbentuk berdasarkan prinsip dan program yang masing-masing merangkumkan aspek ideologikal dan praktikalnya. Idea Islamisme telah mengalami perkembangan yang kemudiannya memberi kesan kepada terbentuknya kriteria bagi identifikasi entiti-entiti Islamis (sama ada konservatif atau reformis) serta entiti-entiti pasca Islamis dan bukan Islamis. Makalah ini mampu menyumbang kepada literatur dari sudut mengemukakan konsep Islamisme dan kerangka identiti Islamisme tersendiri yang boleh dijadikan asas perbincangan kepada kajian-kajian di masa akan datang.

Kata kunci: Islamisme, Islamis, konsep, idea, identiti

ABSTRACT

Islamism is a subject that continues to receive scholars' attention. However, by referring to previous studies, the subject of Islamism has been discussed loosely due to, first, the lack of a consensus on the concept of Islamism among scholars, and second, the question of the identity of Islamism not being thoroughly explored. Thus, this paper aims to fill these gaps by focusing the discussion on the concept, idea, and framework of Islamism identity. Based on previous studies on Islamism, this paper presents its perspective on Islamism by examining these three aspects. Conceptually, Islamism is a form of manifestation of human endeavor invented by conscious Muslims to ensure that Islam can fully play a role in all aspects of life. As an idea, Islamism comprises principles and programs that encompass ideological and practical aspects, respectively. The idea of Islamism has undergone development that subsequently affected the formation of criteria for the identification of Islamist entities (whether conservative or reformist) as well as post-Islamist and non-Islamist entities. This paper may contribute to the literature by presenting a new perspective on the concept and the framework of Islamism identity that can serve as a basis for discussion in future studies.

Keywords: *Islamism, Islamists, concept, idea, identity*

PENGENALAN

Perkembangan dunia Islam yang sememangnya menarik perhatian para sarjana dan pemerhati sejak sekian lama menyebabkan subjek Islamisme tidak dapat dipisahkan daripada turut dibincangkan secara berseiringan dengan kajian terhadap agama Islam itu sendiri. Sejak peristiwa 11 September, Islamisme kian menjadi tumpuan pengkaji yang

menyaksikan naratif media-media global terhadap Islamisme, atau terhadap Islam secara langsung di tahap tertentu, berkitar pada keganasan dan ancaman kepada Barat. Naratif ini tidak semata-mata berlegar dalam kalangan pengamal media global, malah turut disambut dan dikembangkan lagi oleh para sarjana Barat. Kemunculan gerakan Negara Islam (*Islamic State*, IS) yang meletakkan Islam sebagai motivasi perjuangan mereka menjadikan Islamisme sebagai

subjek yang penting untuk terus diberikan perhatian lantaran Islamisme terus dibincangkan berdasarkan konotasi ekstremisme, radikalisme serta ancaman kepada keteraturan dunia.

Perbincangan mengenai Islamisme berdasarkan kerangka keganasan boleh dipertikaikan dari dua sudut. Pertama, Islamisme sebagai sebuah idea adalah bersumber daripada Islam, iaitu sebuah agama yang menekankan aspek kesejahteraan dan keamanan. Pengolahan Islamisme sebagai sebuah idea yang diinspirasi daripada Islam hanya berdasarkan kerangka keganasan merupakan suatu yang bertentangan dengan prinsip asas Islam yang menolak keganasan. Kedua, entiti-entiti yang mendukung idea Islamisme tidak boleh dilihat hanya kepada gerakan-gerakan yang memilih jalan kekerasan – seperti al-Qaeda dan IS – memandangkan gerakan-gerakan Islamis arus perdana yang memilih pendekatan secara aman lebih dominan dalam “keluarga besar” Islamisme berbanding gerakan-gerakan Islamis yang lain. Meneliti Islamisme hanya dari lensa ekstremisme adalah satu bentuk generalisasi yang hakikatnya tidak mewakili Islamisme secara keseluruhan.

Pada dasarnya, kajian mengenai Islamisme sememangnya telah dibuat secara meluas oleh para sarjana sama ada dari sudut wacana, sejarah, perkembangan mahupun gerakan-gerakan Islamis yang tertentu secara khusus. Namun, berdasarkan kajian-kajian lepas, penulis mendapati perihal Islamisme telah dibincangkan secara longgar oleh para pengkaji dari dua sudut. Pertama, tidak wujud konsensus mengenai konsep Islamisme dalam kalangan sarjana. Adakah Islamisme merupakan sebuah ideologi (seperti sosialisme dan liberalisme) atau sebuah teologi baharu (seperti aliran-aliran dalam Islam)? Ketiadaan konsep yang jelas menyebabkan perbincangan mengenai Islamisme menjadi longgar sehingga mengundang pelbagai perspektif yang sebahagian daripadanya saling bertentangan antara satu sama lain. Kedua, persoalan mengenai identiti Islamisme juga tidak begitu mendapat perhatian dalam kalangan para pengkaji. Apakah bentuk identifikasi yang boleh digunakan untuk menisbahkan sesebuah kumpulan, gerakan atau entiti sebagai Islamis, iaitu pendukung Islamisme? Ketiadaan identifikasi Islamisme yang jelas membuka ruang kepada pelabelan secara simplistik sesebuah entiti sebagai Islamis hanya semata-mata kerana menjadikan Islam sebagai motivasi perjuangan, tanpa mengambil kira sama ada kriteria identiti Islamisme yang tertentu telah

dipenuhi atau sebaliknya. Justeru, persoalan identiti Islamisme adalah penting untuk diberikan perhatian kerana perkara tersebut boleh dijadikan asas bagi menentukan secara akademik sama ada sesebuah entiti adalah Islamis atau sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk mengisi kedua-dua kelompangan tersebut dengan mengemukakan perspektif baharu mengenai Islamisme. Perbincangan akan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu: 1) menghuraikan konsep Islamisme, yang bertujuan untuk meletakkan sempadan definisi Islamisme yang jelas; 2) membincangkan idea Islamisme dan perkembangannya, bagi menjelaskan prinsip dan program Islamisme serta kedinamikan idea Islamisme yang tidak statik; dan 3) merumuskan kerangka identiti Islamisme, yang akan mengemukakan kriteria bagi identifikasi entiti-entiti Islamis. Makalah ini mampu menyumbang kepada literatur dari sudut mengemukakan konsep Islamisme dan kerangka identiti Islamisme tersendiri yang boleh dijadikan asas perbincangan kepada kajian-kajian di masa akan datang.

MEMAHAMI KONSEP ISLAMISME

Islamisme merupakan satu fenomena yang kompleks dari sudut konsep serta tafsirannya. Perdebatan dan perhatian yang semakin rancak terhadap topik Islamisme menyebabkannya semakin sukar untuk dikonseptualkan lantaran wujudnya percambahan orientasi dan pendekatan yang pelbagai dalam membincangkannya.

Pada dasarnya, Islamisme merupakan satu kata nama khas yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu “Islam” dan “isme”. Dalam hal ini, Islamisme boleh disifatkan sebagai gabungan antara elemen agama (Islam) dan ideologi (isme) (Mozaffari 2007). Islamisme bukanlah suatu bentuk ajaran, kepercayaan atau teologi yang baharu, akan tetapi merupakan sebuah kerangka idea atau ideologi yang menjadikan Islam sebagai asas rujukan. Islamisme merupakan ideologi moden dan program politik yang menjadikan Islam sebagai sandaran. Sebagai sebuah idea yang disandarkan kepada agama, Islamisme telah dihuraikan, antaranya, oleh Mozaffari (2007) sebagai satu idea atau pandangan yang meletakkan bahawa Islam perlu mempengaruhi seluruh kehidupan manusia. Pengkaji lain, misalnya Osman (2017), juga berpendapat sedemikian di mana Islamisme didefinisikan sebagai idea yang melihat Islam sebagai daya yang menentukan kepercayaan, ritual dan larangan yang perlu dipatuhi oleh

Muslim dalam sistem politik, ekonomi dan sosial. Berdasarkan huraian-huraian ini, Islamisme boleh difahami sebagai satu konsepsi yang meletakkan peranan Islam sebagai panduan hidup secara menyeluruh, di mana segenap urusan kehidupan manusia perlu dipandu berdasarkan ajaran dan nilai-nilai Islam.

Dalam mengkritik idea Islamisme, Tibi (2012) menegaskan bahawa perlu dibezakan antara Islamisme dan Islam. Menurut beliau, Islamisme merupakan satu bentuk pengideologian terhadap Islam yang banyak menyentuh sisi kepolitikan. Konotasi ini selari dengan pandangan Mozaffari (2007), seperti yang telah dibincangkan di atas, yang melihat Islamisme sebagai “Islam yang telah diideologikan”. Walau bagaimanapun, Mamud (2018) telah mengemukakan pandangan yang berbeza mengenai Islamisme dengan mendefinisikannya sebagai “...tindakan di mana seorang Muslim menekankan atau menzahirkan ‘keberadaannya’ sebagai seorang Muslim”. Berpandukan kepada definisi ini, Islamisme tidak lain ialah satu bentuk komitmen terhadap cara hidup beragama yang sebenar yang diterjemahkan oleh mereka yang mematuhi seluruh prinsip agama Islam. Maka, kesemua Islamis semestinya adalah Muslim, namun tidak semua Muslim merupakan Islamis. Hal ini demikian kerana, Islamis adalah Muslim yang aktif dan berkomitmen tinggi dalam memperjuangkan syariat Islam sebagai jalan penyelesaian kepada cabaran yang melanda manusia.

Dalam mendefinisikan Islamisme, Bulaç (2012) telah memberikan huraian yang lebih menyeluruh. Menurutnya, Islamisme merupakan gerakan intelektual, moral, sosial, ekonomi, politik dan kenegaraan yang menjadikan Islam sebagai rujukan utama dan bermatlamatkan kepada konsepsi baharu terhadap individu, masyarakat, politik dan negara, sekaligus model baharu untuk organisasi sosial dan penyatuan Islam sejagat. Huraian ini menjelaskan definisi Islamisme yang merangkumi beberapa aspek penting. Pertama, Islamisme menekankan aspek kesempurnaan, di mana perkara tersebut dilihat cuba berperanan dalam segenap urusan kehidupan. Kedua, Islamisme mementingkan aspek pemusatan Islam sebagai rujukan, di mana segala urusan kehidupan perlulah dipandu oleh Islam sebagai sumber tertinggi. Ketiga, Islamisme melihat kepada aspek kemodenan dan cuba untuk mengemukakan model atau formula baharu terhadap isu-isu dan permasalahan kontemporari dalam segenap urusan kehidupan. Keempat, Islamisme menganjurkan

kepada penyatuan berdasarkan konsep kesatuan Islam sejagat. Secara keseluruhannya, huraian Bulaç (2012) didapati selari dengan Mamud (2018) yang melihat Islamisme sebagai sebuah manifestasi kepada penzahiran Islam dalam erti kata yang sebenar.

Perbincangan mengenai Islamisme pada dasarnya banyak menjurus ke arah dimensi politik, sehingga Islamisme itu sendiri disebutkan sebagai sebuah “ideologi politik”. Perspektif yang meletakkan Islamisme sebagai sebuah ideologi politik kebiasaannya cenderung untuk turut menggunakan istilah “Islam politik” (*political Islam*) secara bergantian dengan istilah Islamisme. Sebagai contoh, Ayoob (2008) menyamakan *political Islam* dengan Islamisme, dan lebih menggunakan istilah ini berbanding Islamisme. Pada dasarnya, idea Islamisme sememangnya banyak tertumpu kepada perihal politik dan pentadbiran. Sebagai contoh, misi Islamisme untuk mewujudkan tatacara hidup Islamik secara menyeluruh menjadikan penubuhan entiti politik seperti sebuah negara yang melaksanakan sistem dan hukum Islam secara sepenuhnya sebagai satu keperluan (Mozaffari 2007). Disebabkan itulah gerakan-gerakan Islamis arus perdana (iaitu mereka yang berpartisipasi dalam sistem sedia ada di negara masing-masing dan tidak memilih pendekatan konfrontasi secara radikal untuk mencapai matlamat) sebahagiannya menyertai pentas politik di negara masing-masing, iaitu sebagai manifestasi untuk memenuhi keperluan politik Islam.

Di sini timbul persoalan; mengapakah politik menjadi tumpuan utama Islamisme? Terdapat dua faktor yang mempengaruhi tumpuan Islamisme terhadap politik, iaitu faktor pengalaman sejarah dan faktor fungsional politik itu sendiri. Berdasarkan sejarahnya, Islamisme tidak lahir daripada ruang vakum yang kosong. Sebaliknya, Islamisme merupakan hasil respons terhadap pergolakan yang melanda dunia Islam sekitar penghujung kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Penjajahan kuasa kolonial Barat terhadap wilayah-wilayah umat Islam serta permasalahan dalaman seperti kebekuan pemikiran dan perpecahan mendorong kepada kelemahan Kerajaan Uthmaniyyah sehingga pembubarannya pada tahun 1924 yang menyebabkan umat Islam kehilangan naungan politik yang merentasi sempadan geografi. Ketiadaan naungan politik secara sejagat di dunia Islam yang wujud sejak Nabi Muhammad S.A.W. diutuskan telah mempengaruhi pemikiran politik Islam dalam kalangan pemikir serta aktivis Muslim,

yang turut mencorak idea Islamisme kemudiannya (Dogan 2020). Ketika inilah al-Ikhwan al-Muslimun (Ikhwan), iaitu gerakan Islamis pertama abad moden yang hadir sebagai sebuah entiti yang berstruktur muncul di Mesir dengan membawa mesej dakwah serta penyatuan umat Islam rentas geografi (Osman 2017). Gerakan Ikhwan kemudiannya menjadi model ikutan pelbagai gerakan Islamis di negara-negara lain sepanjang kurun ke-20.

Disebabkan latar belakang kontekstual Islamisme dicorakkan oleh keperluan untuk mengembalikan semula kuasa politik umat Islam, idea dan wacana Islamisme pada dasarnya lebih didominasi oleh elemen-elemen kepolitikan. Dalam hal ini, Islamisme lebih ditekankan sebagai sebuah ideologi yang diadaptasi bagi mencapai tujuan politik. Perspektif ini melihat Islamisme sebagai satu bentuk pengadaptasian Islam oleh individu, kumpulan dan organisasi yang mempunyai objektif politik, dan berpandangan bahawa Islam sebagai satu bentuk kepercayaan mempunyai kepentingannya terhadap bagaimana keteraturan politik dan masyarakat seharusnya ditetapkan (Ayoob 2008). Memandangkan Islamisme mempunyai visi untuk menyusun atur keseluruhan kehidupan manusia berdasarkan hukum dan tatacara Islam, para pendukungnya, iaitu Islamis, meletakkan matlamat penubuhan entiti politik seperti sebuah negara Islam bagi menjamin pelaksanaan hukum dan tatacara Islam secara menyeluruh.

Pada masa yang sama, faktor fungsional politik turut mempengaruhi tumpuan Islamisme terhadap politik. Dalam hal ini, fungsi politik itu sendiri perlu dilihat berdasarkan perspektif yang luas. Emmerson (2010) misalnya berpendapat bahawa idea Islamisme perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak sepatutnya dibataskan kepada perihal kepolitikan dalam erti kata yang sempit (sebagai contoh, berdasarkan konteks politik kekuasaan dan kepartian). Hal ini kerana Islamis secara praktiknya tidak semata-mata fokus kepada aktiviti yang bersifat kepolitikan dalam memperjuangkan agenda Islam yang dipegang oleh mereka, meskipun agenda Islamis secara umumnya bersifat politik. Maszlee (2016) turut memberikan pandangan yang sama dengan merangkumkan aspek aktivisme sosial, kebajikan, kesukarelawanan dan ekonomi ke dalam wacana Islamisme. Menurutnya, gerakan-gerakan Islamis yang pada asalnya merupakan respons daripada pembubaran khilafah dan penjajahan kuasa luar telah mengubah orientasi perjuangan mereka dengan mengalihkan perhatian kepada aktiviti-aktiviti kebajikan, selain aktif

dengan kegiatan yang bersifat kepolitikan dengan cuba menyaingi kuasa rejim pemerintah setempat. Aktiviti-aktiviti selain politik tidak sewajarnya dilihat sebagai suatu yang terpisah daripada jaringan kegiatan politik Islamisme memandangkan perkara tersebut sebenarnya bertujuan untuk memberi imej baik kepada gerakan-gerakan Islamis supaya mereka memperoleh sokongan politik. Justeru, Islamisme yang memberi tumpuan utama kepada politik tidak mengabaikan aspek lain selagimana perkara tersebut mampu menyumbang kepada sokongan buat penggerakannya demi memperoleh kuasa. Dalam erti kata lain, perjuangan Islamisme yang menuntut kepada keperluan memperoleh kuasa politik cenderung menggunakan pelbagai medium untuk memastikan tuntutan-tuntutan Islam dapat dilaksanakan.


Sebagai rumusan, Islamisme pada dasarnya merupakan sebuah konsepsi yang menterjemahkan sifat menyeluruh Islam itu sendiri. Justeru, penulis merumuskan Islamisme sebagai sebuah idea, pandangan, pemikiran, kesedaran dan manifestasi tindakan yang tertegak berasaskan tiga kefahaman iaitu: i) Islam difahami sebagai agama yang menyeluruh dan menyentuh setiap aspek kehidupan manusia; ii) pelaksanaan Islam yang sifatnya menyeluruh itu seharusnya dizahirkan sebagai satu komitmen bertindak oleh pendukungnya (iaitu Islamis); dan iii) politik menjadi domain utama kepada pelaksanaan dan penzahiran Islam lantaran ciri-ciri fungsionalnya yang menyeluruh. Islamisme berbeza dengan Islam. Islam merupakan sebuah agama yang memandu urusan kehidupan manusia, manakala Islamisme pula merupakan satu bentuk pengolahan dan ikhtiar manusiawi yang dirangka oleh Muslim yang berkesedaran untuk memastikan Islam mampu berperanan sepenuhnya dalam segenap aspek kehidupan. Berdasarkan perspektif ini, Islamisme mempunyai ciri-ciri sebagai sebuah “ideologi” lantaran perkara tersebut mempunyai aspek ideologikal dan praktikalnya yang tersendiri hasil daripada olahan pendukungnya. Aspek ideologikal dan praktikal ini masing-masing boleh dilihat menerusi prinsip dan program Islamisme.

IDEA ISLAMISME: PRINSIP DAN PROGRAM

Menurut Sinnanovic (2006), idea secara umumnya memberikan motivasi kepada penggerakannya untuk bertindak serta menggariskan objektif dan matlamat yang perlu mereka perjuangkan menerusi aktiviti-aktiviti tertentu. Idea akan meletakkan panduan dan

ketetapan bagi sesebuah entiti untuk melakukan kegiatan, sehingga perkara tersebut berupaya mencapai matlamat yang diinginkan. Sebagai sebuah “ideologi politik” atau secara ringkasnya sebuah idea, Islamisme turut menggariskan matlamat yang perlu diperjuangkan dan dicapai oleh penggeraknya menerusi kegiatan-kegiatan yang dilakukan. Idea Islamisme boleh dilihat berdasarkan dua aspek utama iaitu prinsip dan program. Prinsip merujuk

kepada dasar, ideologi atau konsepsi yang menjadi asas kepada idea Islamisme. Manakala program pula adalah pelaksanaan, perencanaan atau projek yang diperjuangkan dan ingin dilakukan oleh Islamis yang mendukung idea Islamisme. Prinsip dan program Islamisme penting untuk difahami kerana masing-masing akan menjelaskan idea Islamisme berdasarkan aspek ideologikal dan praktikal.



RAJAH 1. Komponen Utama bagi Idea Islamisme

Sumber: Rumusan penulis

PRINSIP ISLAMISME

Secara ideologikalnya, idea Islamisme terdiri daripada beberapa prinsip asas. Pertama, Islamisme menekankan aspek kesempurnaan Islam. Aspek ini selari dengan konsep Islam sebagai “*dīn*” iaitu suatu sistem hidup yang menyeluruh (Azzam 2006). Untuk memahami konsep *dīn*, huraian yang telah dikemukakan oleh al-Attas (2013) adalah lengkap, pantas penting untuk diteliti. Menurutnya, makna bagi *dīn* merujuk kepada: i) keadaan berhutang; ii) keadaan takluk menyerahkan diri; iii) kuasa dan daya menghukum, atau daya-kuasa memberi hukuman, nilai dan pertimbangan; dan iv) bawaan kecenderungan yang sedia ada pada diri insan, atau kebiasaan yang menjadi adat resam. al-Attas (2013) merangkumkan kesemua makna ini kepada “keimanan, kepercayaan, amalan dan ajaran dan anutan yang dihidupi oleh kaum Muslimin, baikpun secara bersendirian mahupun secara berkumpul bergabung sebagai kaum dan ummat, dan yang menjelmakan hakikatnya sebagai agama”. *Dīn* di sini boleh disimpulkan sebagai penyerahan Muslim kepada Tuhannya dalam segenap urusan kehidupan yang perlu diterjemahkan menerusi pematuhan terhadap segala suruhan dan larangan-Nya.

Konsep Islam sebagai *dīn* bermaksud Islam merupakan satu sistem hidup yang sempurna dan menyeluruh. Bagi pendukung Islamisme, Islam tidak diturunkan hanya untuk memandu urusan kepercayaan, kerohanian, moral dan peribadatan semata-mata. Sebaliknya, Islam diturunkan untuk memandu urusan kehidupan seharian manusia yang turut tidak terkecuali dalam hal ehwal politik, ekonomi dan sosial, atau dalam erti kata lain sebagai sebuah sistem hidup yang menyeluruh (Muktafi, Abdullah Haq & Mukhammad 2022). Islamisme menekankan bahawa Islam mempunyai peranannya dalam memandu kehidupan manusia dalam segenap aspek sama ada kehidupan secara individu, bermasyarakat mahupun bernegara (Mozaffari 2007). Berdasarkan sifat kesempurnaan Islam, Islamisme menyepadukan antara aspek duniawi dan ukhrawi serta antara sistem hidup (*dīn*) dan negara (*dawlah*). Konsep *dīn* itu sendiri turut terangkum aspek penyerahan diri manusia kepada Tuhan bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Pemahaman terhadap konsep *dīn* menganjurkan Islamis untuk berjuang bagi memastikan keteraturan sosial, politik, ekonomi dan kenegaraan selaras dengan tuntutan Islam,

yang mana perkara tersebut merupakan satu bentuk manifestasi pematuhan terhadap segala suruhan dan larangan-Nya.

Kedua, pemahaman terhadap konsep kesempurnaan Islam menjadikan Islamisme menolak dan melakukan kritikan ke atas idea kemodenan yang dianjurkan oleh Barat (Ahmad Sunawari 2017). Secara umumnya, Islamisme tidak menolak kemodenan. Malah, Islamisme itu sendiri merupakan satu fenomena idea yang terhasil daripada tuntutan kemodenan yang memerlukan kepada penafsiran baharu terhadap permasalahan-permasalahan kontemporari (Ayoob 2008). Apa yang ditolak oleh Islamisme ialah kemodenan yang beracuan Barat kerana sifatnya yang sekular dan materialistik, iaitu terlalu mementingkan aspek kebendaan sehingga meminggirkan aspek kerohanian. Justeru, Islamisme boleh disifatkan sebagai idea yang menolak modenisme (dalam erti kata kemodenan sekular ala-Barat) yang menjadikan kemajuan sebagai suatu yang terpisah daripada unsur keagamaan (Bulaç 2012). Malah, idea Islamisme itu sendiri dilihat oleh sesetengah pihak sebagai berseteru dan mencabar hegemoni sistem Barat yang mendominasi keteraturan dunia moden (Kömeçoğlu 2014).

Walau bagaimanapun, penolakan Islamisme terhadap nilai-nilai Barat dilakukan secara selektif. Terdapat idea-idea tertentu daripada Barat yang diterima dan diadaptasi oleh Islamis selagi mana perkara tersebut membolehkan matlamat Islamisme tercapai. Misalnya, idea demokrasi yang diperkenalkan oleh Barat tidak ditolak oleh gerakan Islamis arus perdana. Penerimaan Islamisme terhadap idea demokrasi didorong oleh pandangan bahawa perkara tersebut tidak bercanggah dengan apa yang digariskan oleh Islam. Beberapa prinsip demokrasi pada asasnya selari dengan prinsip pentadbiran dalam Islam seperti kebebasan (*al-huriyyah*), kesamaan (*al-musāwāh*), kepelbagaian (*al-ta'addudiyyah*) dan permesyuaratan (*shūrā*), membuatkan Islamisme boleh diselarikan dengan idea demokrasi. Secara umumnya, gerakan-gerakan Islamis mempunyai beberapa agenda yang dikongsi secara bersama kerana mereka mengambil inspirasi daripada sumber yang sama. Namun, setiap gerakan Islamis arus perdana bergerak berdasarkan nuansa setempat, mempunyai agenda yang bersifat nasional dan tidak tertumpu kepada agenda yang berskala global (Ayoob 2008). Hal ini berbeza dengan gerakan ekstremis dan militan agama yang beroperasi berdasarkan agenda untuk menegakkan “negara

Islam” atau “khilafah” yang bersifat rentas negara. Maka, Islamisme boleh dianggap sebagai fenomena lokal yang bergerak dalam sempadan negara bangsa dan berjuang untuk mewujudkan tatacara Islamik dalam negara di mana mereka beroperasi.

Ketiga, prinsip Islamisme terletak pada saranannya supaya umat Islam kembali kepada sumber Islam yang asal iaitu al-Qur'an, hadis serta tradisi Islam yang berakar daripada generasi Nabi Muhammad S.A.W., para sahabat dan kurun awal Islam. Bagi Islamisme, generasi awal Islam (yang sering ditandai oleh tiga kurun pertama dalam sejarah Islam, atau disebutkan sebagai generasi salaf) merupakan zaman keemasan dan kegemilangan Islam yang perlu dicontohi dan dijadikan inspirasi oleh umat Islam (Aykaç & Durgun 2022). Berdasarkan perspektif ini, Islamisme boleh disebutkan sebagai satu idea yang berdiri di atas jalur revivalisme, di mana Islamisme bertujuan untuk menghidupkan semula peranan Islam dalam dimensi politik serta sosial (Mura 2015). Era negara bangsa pasca kolonial menyebabkan nilai-nilai sekular menembus masuk ke dalam setiap segmen kehidupan umat Islam. Kemerosotan umat Islam di bawah penjajahan Barat serta kegagalan projek pemodenan mencetuskan krisis di dunia Islam, di mana perkara tersebut ditafsir oleh Islamis sebagai kesan penyimpangan daripada jalan yang benar, lantas memerlukan penyelesaian secara Islam (Khan 2001). Justeru, Islamisme mengajak supaya cara hidup beragama dengan berpegang kepada tradisi Islam untuk dikembalikan semula.

Penekanan terhadap tradisi dan sumber asal Islam tidak menjadikan Islamisme sebagai gerakan anti-kemodenan yang bercita-cita untuk mengembalikan semula kehidupan masyarakat Islam abad pertengahan. Sebaliknya, Islamisme meletakkan matlamat membina tamadun Islam yang bersifat kontemporari, baharu dan sesuai dengan tuntutan semasa (Muhammad Khalis & Mohd Roslan 2019). Penekanan terhadap aspek tradisi tidak menghalang pendukung Islamisme untuk melakukan inovasi atau ijtihad, termasuklah dengan mengemukakan tafsiran-tafsiran baharu terhadap al-Qur'an dan hadis bagi memastikan mereka mampu beradaptasi dengan kehendak dan cabaran moden (Azzam 2006; Dogan 2020). Bagi Bulaç (2012) dan Khan (2001), Islamisme bukanlah gerakan idea anti-kemodenan, akan tetapi merupakan hasil respons terhadap perkembangan kontemporari dan moden. Justeru, Islamisme merupakan satu fenomena moden, di mana keberadaannya adalah

selaras dengan kehendak semasa yang memerlukan kepada inovasi dan tafsiran baharu dalam menyikapi konsep-konsep moden seperti negara bangsa dan demokrasi. Keberadaannya selari dengan kebangkitan gerakan keagamaan yang, menurut Spohn (2003), merupakan sebahagian daripada kepelbagaian proses kemodenan yang dilalui oleh agama sebagai respons terhadap perkembangan semasa.

PROGRAM ISLAMISME

Dari sudut praktikaliti, program Islamisme banyak berkitar pada idea-idea yang bersifat kepolitikan. Dalam hal ini, program utama Islamisme ialah untuk mewujudkan orde Islam (*nizām Islāmiy*) dalam menguruskan hal ehwal sosial dan politik manusia (Mura 2015). Lantaran berpegang kepada konsep kesempurnaan Islam, maka Islamisme berpendirian bahawa perlunya kesemua urusan kehidupan manusia dijalankan berpandukan kepada tuntutan agama. Justeru, secara praktiknya, Islamisme cuba mendatangkan Islam ke dalam urusan kehidupan manusia (Bulaç 2012). Bagi pendukung Islamisme, hal ini tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan mewujudkan orde Islam secara menyeluruh. Pada dasarnya, orde Islam merujuk kepada satu bentuk keteraturan atau orde politik (*political order*), di mana sistem perundangan syariat dijalankan sebagai sumber perundangan yang tertinggi (Tibi 2012). Dalam erti kata lain, Islamisme turut bercita-cita untuk mengembalikan semula pelaksanaan undang-undang syariat supaya keperluan bagi mewujudkan orde Islam dapat dipenuhi.

Pembentukan orde Islam pada dasarnya mempunyai dua tujuan utama yang ingin dicapai. Pertama, perkara tersebut bertujuan untuk mewujudkan masyarakat Muslim yang ideal, iaitu masyarakat yang patuh kepada tuntutan agama. Masyarakat Muslim yang ideal ini hanya akan terbentuk bilamana suasana atau keadaan Islamik (iaitu pelaksanaan syariat Islam dari sudut perundangan, pengamalan akhlak Islam dari sudut moral dan penerapan sistem Islam dalam segenap bidang kehidupan) berjaya diwujudkan di bawah orde Islam. Kedua, pembentukan orde Islam bertujuan untuk menyediakan ruang bagi masyarakatnya bebas mengamalkan tuntutan agama. Kebebasan untuk mengamalkan tuntutan agama ini bukan sahaja khusus buat Muslim, malah juga buat mereka yang bukan Muslim. Jaminan kebebasan untuk mengamalkan tuntutan agama sering diambil inspirasi daripada kerajaan Islam Madinah

yang dibina oleh Nabi Muhammad S.A.W. yang menjamin hak bukan Muslim untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Visi Islamisme untuk mewujudkan orde Islam akan menjurus ke arah menegakkan sebuah negara Islam yang terlaksana di dalamnya sistem perundangan yang berlandaskan syariat Islam (Tibi 2012). Negara Islam yang menjadi perjuangan Islamisme mempunyai dimensi tradisi dan moden. Penyeruan supaya sebuah entiti negara yang melaksanakan sistem perundangan syariat diwujudkan merupakan dimensi tradisi bagi konteks negara Islam yang diperjuangkan oleh Islamis. Pada masa yang sama, negara Islam ala-Islamisme di sini merupakan fenomena moden, di mana perkara tersebut beroperasi dalam kerangka negara bangsa moden yang hanya wujud bermula dari kurun ke-19. Dalam erti kata lain, Islamisme memperjuangkan supaya ditegakkan sebuah negara Islam dengan menyesuaikan keperluan bagi menghidupkan kembali pelaksanaan perundangan Islam berdasarkan konteks dan realiti moden. Lantaran itu, negara Islam ala-Islamisme bersifat fleksibel dari sudut pelaksanaan. Islamisme tidak terikat kepada sebarang bentuk pemerintahan, sama ada yang berbentuk monarki atau republik, memandangkan intipati pelaksanaan undang-undang syariat di dalamnya yang lebih ditekankan.

Komitmen untuk menegakkan syariat Islam merupakan penanda aras yang penting dalam menentukan keunikan idea Islamisme. Syariat Islam yang diperjuangkan oleh Islamisme di sini merujuk kepada sistem perundangan yang berpandukan kepada al-Qur'an dan Sunnah. Islamisme melihat bahawa syariat Islam merupakan simbolik kepada kedaulatan mutlak Allah S.W.T. yang mengatasi kedaulatan rakyat yang tertakluk di bawah sistem perundangan Tuhan. Pandangan ini menjadikan syariat Islam sebagai matlamat tertinggi gerakan-gerakan Islamis yang akan mengisi negara Islam yang diperjuangkan. Syariat Islam diperlukan untuk memastikan tatacara Islam dapat dipraktikkan secara sepenuhnya dengan wujudnya orde Islam (Dogan 2020).

PERKEMBANGAN IDEA ISLAMISME

Di sepanjang perkembangannya, Islamisme telah melalui beberapa fasa peralihan idea. Hal ini disebabkan sifat Islamisme sebagai sebuah gagasan idea, di mana wacananya tidak statik dan tunggal, akan tetapi mengalami perubahan wacana dan

beradaptasi dengan konteks setempat yang turut mempengaruhi kaedah operasinya.

Menurut Bayat (1996), idea Islamisme berkembang berdasarkan dua fasa yang berbeza, iaitu daripada Islamisme kepada pasca Islamisme. Pasca Islamisme menggambarkan keadaan di mana pada satu tahap, Islamisme akan mencapai kemuncak wacananya dan beralih kepada satu fasa yang baharu, di mana idea Islamisme sudah tidak lagi relevan kerana ditinggalkan sendiri oleh pendukungnya (Bayat 1996). Pandangan ini telah dikembangkan lagi oleh beberapa pengkaji yang lain. Yilmaz (2011) antaranya berpandangan, perubahan wacana Islamisme (bagi kes kajiannya di Turki) kepada pasca Islamisme adalah jelas dengan melihat kepada wujudnya pandangan bahawa peranan agama dalam politik perlu dihadkan. Namun, perkembangan ini tidak terhenti hanya pada tahap pasca Islamisme. Gerakan Islamis seterusnya akan beralih sama ada menjadi gerakan yang bukan Islamis secara sepenuhnya dengan meninggalkan terus etos dan idea Islamisme, atau mengadaptasi idea “Islam sivil” yang tidak lagi menekankan dimensi politik seperti sebelumnya (Yilmaz 2011). Kömeçoğlu (2014) mengemukakan pandangan yang selari bahawa wujudnya keterkaitan dan kesinambungan wacana daripada Islamisme kepada pasca Islamisme, dan kemudian kepada Islam sivil. Menurutnya, pasca Islamisme merupakan jambatan yang menghubungkan antara Islamisme (yang menekankan aspek politik dan kuasa) dan Islam sivil (yang tidak menumpukan kepada sebarang doktrin politik).

Menurut Ahmad Sunawari (2017), pasca Islamisme merupakan kesinambungan bagi fasa kebangkitan semula Islam, namun dalam fokus dan bentuk yang berlainan. Dalam erti kata lain, pasca Islamisme dianggap sebagai satu keadaan yang menyusuli fasa sebelumnya (iaitu Islamisme), menggambarkan bahawa wujudnya peralihan idea Islamisme kepada wacana yang baharu iaitu pasca Islamisme. Maka, pasca Islamisme merupakan kesinambungan bagi Islamisme itu sendiri, bukan satu bentuk penyimpangan daripada idea asal Islamisme. Hal ini kerana pasca Islamisme masih mengekalkan beberapa etos Islamisme meskipun pandangan terhadap kesempurnaan Islam, sepertimana yang dipegang oleh pendukung-pendukung Islamisme, semakin tidak mendapat tempat (Dokhanchi 2020). Pada dasarnya, peralihan daripada Islamisme kepada

pasca Islamisme disebabkan Islamis melakukan proses penilaian semula terhadap wacana, strategi dan pendekatan mereka untuk mencapai kekuasaan. Peralihan tersebut merupakan hasil daripada cubaan pendukung Islamisme untuk mengasimilasikan idea perjuangan mereka dengan tuntutan demokrasi, hak asasi dan kepelbagaian yang kemudiannya menuntut idea Islamisme untuk diliberalisasikan. Hal ini memberi kesan terhadap perubahan wacana Islamisme daripada menyasarkan untuk menubuhkan negara Islam yang melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh kepada hanya menubuhkan sebuah negara sivil yang menjalankan urusan tadbir yang baik. Pada masa yang sama, pasca Islamisme turut terhasil daripada respons Islamis terhadap tekanan yang dikenakan oleh rejim pemerintah terhadap mereka yang mendorong kepada proses penyesuaian dengan strategi dan formula yang baharu. Disebabkan itulah pasca Islamisme tidak dianggap sebagai sekular atau menolak Islamisme secara mutlak memandangkan perkara tersebut merupakan hasil adaptasi yang dilalui oleh Islamis (Imad 2019).


Pada asasnya, perkembangan idea Islamisme memperlihatkan peralihan daripada berpusat kepada ideologi pada mulanya kepada yang lebih praktikal. Perkembangan ini didorong oleh beberapa faktor utama. Pertama, senario mutakhir yang menekankan persoalan demokrasi, hak asasi, kepelbagaian dan kebebasan telah mewujudkan keperluan semasa yang mendesak Islamis untuk mengasimilasikan idea Islamisme dengan ruang wacana yang baharu. Kedua, gerakan-gerakan Islamis telah menghadapi tekanan daripada rejim pemerintah setempat disebabkan idea yang dibawa oleh mereka yang dilihat mampu menggugat ideologi status quo pemerintah. Hal ini mendorong gerakan-gerakan Islamis untuk mengendurkan wacana mereka supaya tidak begitu menekankan aspek ideologikal bagi mengelak daripada ancaman rejim pemerintah. Ketiga, selaku gerakan politik, gerakan-gerakan Islamis sentiasa menginginkan supaya sokongan masyarakat memihak kepada mereka. Justeru, peralihan wacana ini boleh disebutkan sebagai satu bentuk penilaian semula terhadap idea yang dibawa sebelumnya bagi memastikan cakupan sokongan masyarakat lebih meluas dan pelbagai.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud kesemua gerakan Islamis berkembang atau berevolusi kepada pasca Islamis memandangkan

terdapat sebahagian pendukungnya yang masih berpegang kepada wacana asal dan mengekalkan pendekatan sebelumnya. Sebagai contoh, gerakan Ikhwan di Mesir masih dilihat mengekalkan prinsip asal Islamisme sebagai ideologi perjuangan mereka di kala parti serpihannya, iaitu Hizb al-Wast mengadaptasi ideologi yang lebih liberal dan menyamai apa yang disebutkan oleh sebahagian pengkaji sebagai pasca Islamisme (Abdelgawad 2012). Hal yang sama dapat dilihat bagi konteks di Malaysia, di mana kelahiran Parti Amanah Negara (AMANAH) hasil konflik dalaman Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengambil pendekatan yang lebih pragmatik, manakala PAS terus bersikap konservatif dengan mengekalkan wacana asal Islamisme. Islamisme di Turki juga melalui pengalaman yang sama, di mana parti politik tajaan Gerakan Wawasan Nasional (*Milli Görüş Hareketi*) masih berpegang kepada wacana asal Islamisme, berbeza dengan serpihannya iaitu Parti Keadilan dan Pembangunan (*Adalet ve Kalkınma Partisi*) yang dilihat cuba menjarakkan dirinya daripada dikaitkan dengan sebarang unsur Islamisme.

KERANGKA IDENTITI ISLAMISME

Perkembangan idea Islamisme menjadikan spektrum identiti Islamisme semakin mencapah. Dalam Rajah 2 di bawah, penulis merumuskan kerangka identiti Islamisme berpandukan kepada idea Islamisme serta perkembangannya seperti yang telah dibincangkan di atas. Pada dasarnya, sesebuah gerakan atau entiti boleh dikategorikan sebagai Islamis sekiranya gerakan atau entiti tersebut memenuhi beberapa kriteria yang boleh mengaitkannya dengan identiti Islamisme. Untuk memahami kriteria ini, aspek prinsip dan program selaku komponen yang membentuk idea Islamisme perlu diambil kira sebagai kriteria utama. Di sini, penulis menggunakan dua peringkat kriteria bagi menentukan identiti Islamisme bagi sesebuah gerakan. Kriteria pada peringkat pertama akan melihat kepada etos asas Islamisme yang dikongsi secara bersama oleh gerakan-gerakan yang mendukung idea Islamisme. Manakala kriteria pada peringkat kedua pula akan melihat kepada aspek kelakuan, dengan mempertimbangkan pendekatan atau metode yang boleh menyandarkan sesebuah gerakan dengan identiti Islamisme.



RAJAH 2. Kerangka Identiti Islamisme

Sumber: Rumusan penulis

Kriteria peringkat pertama merupakan etos asas bagi menisbahkan sesebuah gerakan atau entiti sebagai Islamis. Pada peringkat pertama, kriteria identiti Islamisme bagi sesebuah gerakan atau entiti terletak pada pegangannya terhadap idea Islamisme yang merangkumi prinsip dan programnya. Sepertimana yang telah dibincangkan di atas, prinsip Islamisme terdiri daripada tiga asas utama iaitu berpegang kepada konsep kesempurnaan Islam (atau Islam sebagai *dīn*), penolakan terhadap idea Barat dan menyeru supaya kembali semula kepada tradisi asal Islam iaitu al-Qur'an dan sunnah. Manakala program Islamisme pula merangkumi visi untuk menegakkan orde Islam, negara Islam dan syariat Islam secara menyeluruh.

Seterusnya, sesebuah gerakan atau entiti akan dilihat pula berdasarkan kriteria peringkat kedua yang melibatkan aspek pendekatan yang diambil. Pendekatan bagi sesebuah gerakan Islamis pada asasnya ditentukan oleh sikap mereka terhadap prinsip Islamisme yang didukung serta metode mereka untuk merealisasikan program Islamisme. Di sini, gerakan-gerakan Islamis secara umumnya dipecahkan kepada dua bentuk pendekatan iaitu konservatif dan reformis. Bagi gerakan Islamis konservatif, mereka lebih memilih untuk mengekalkan pendekatan asal dalam memperjuangkan idea Islamisme. Misalnya, slogan Islamisme seperti "Islam adalah penyelesaian" serta agenda menegakkan negara yang melaksanakan syariat Islam masih dizahirkan dengan jelas menerusi laungan dan perjuangan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi PAS yang masih kekal menzahirkan hasrat memperjuangkan pelaksanaan hukuman berlandaskan syariat di Malaysia. Meskipun telah mengalami penyederhanaan wacananya daripada apa yang dipegang sekitar tahun 1980-an hingga 1990-an, parti Islamis tersebut masih menjadikan aspirasi asal Islamisme sebagai motivasi perjuangan mereka dalam merebut kuasa politik. Sebaliknya, gerakan Islamis reformis pula lebih pragmatik dan terbuka kepada inovasi kesan daripada penilaian semula pendekatan terhadap idea asal Islamisme. Pegangan terhadap prinsip-prinsip asas Islamisme tidak menghalang mereka untuk mengemukakan pengolahan dan tafsiran baharu terhadap terma-terma Islamisme, antaranya bagi memudahkan masyarakat memahami gagasan yang dibawa. Selain itu, gerakan Islamis juga dikategorikan sebagai reformis sekiranya gerakan tersebut terbuka untuk meleburkan pegangannya terhadap idea Islamisme demi meraih sokongan dan undi

masyarakat. Meskipun mereka secara prinsipnya masih lagi berpegang kepada etos asas Islamisme, namun pegangan tersebut disembunyikan daripada dizahirkan secara jelas. Contoh gerakan Islamis reformis boleh dilihat menerusi Partai Keadilan Sejahtera di Indonesia yang cuba melunakkan ideologi perjuangan Islamisme mereka secara zahir demi meraih sokongan massa.

Pada dasarnya, konservatisme atau reformisme sesebuah gerakan Islamis merupakan hasil daripada perbezaan pendekatan yang diambil dalam ruang lingkup etos asas Islamisme. Sama ada sesebuah gerakan Islamis itu mengambil pendekatan konservatif atau reformis bergantung kepada realiti setempat, cabaran yang dihadapi serta faktor-faktor luaran dan dalaman lain yang mempengaruhi kaedah mereka beroperasi. Justeru, perbezaan pendekatan yang diambil oleh gerakan-gerakan Islamis merupakan natijah daripada penyesuaian diri mereka dengan konteks masing-masing. Hal ini menjadikan Islamisme tidak bersifat homogen atau tunggal, sebaliknya merupakan fenomena heterogen atau pelbagai wajah. Walau bagaimanapun, ciri-ciri kepelbagaian ini tidak bermaksud Islamisme merupakan sebuah idea politik yang longgar lantaran kepelbagaian tersebut masih terangkum di bawah ruang lingkup kriteria identiti Islamisme. Tidak kira sama ada bersifat konservatif atau reformis dari sudut pendekatan, sesebuah gerakan atau entiti yang masih lagi berpegang kepada etos asas Islamisme boleh dikategorikan sebagai Islamis. Dalam erti kata lain, pegangan terhadap etos asas Islamisme merupakan kriteria utama bagi konteks identifikasi Islamisme sesebuah gerakan. Maka, mana-mana entiti yang tidak memenuhi kriteria ini tidak dianggap sebagai gerakan Islamis.

Selain Islamis, penulis memecahkan dua lagi kategori identiti bagi sesebuah gerakan atau entiti kepada pasca Islamis dan bukan Islamis (lihat Rajah 2). Sebuah gerakan Islamis yang bersifat reformis berpotensi untuk mengalami peralihan identiti kepada pasca Islamisme sekiranya gerakan tersebut meninggalkan terus wacana asal Islamisme. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada sesebuah gerakan Islamis meninggalkan Islamisme seperti keperluan untuk mengaburi pandangan rejim pemerintah, untuk meluaskan sokongan masyarakat pelbagai segmen dan hasil penafsiran semula (berdasarkan pemahaman yang lebih liberal) terhadap tuntutan politik Islam. Harakah al-Nahdah (al-Nahdah), iaitu parti politik dari Tunisia merupakan contoh entiti yang beralih daripada

Islamisme kepada pasca Islamisme disebabkan oleh faktor-faktor ini. al-Nahdah merupakan parti yang asalnya mendukung idea Islamisme yang diasaskan oleh Rached Ghannouchi, iaitu seorang pemikir Islamis yang paling berpengaruh di Tunisia. Lantaran beroperasi di negara yang kuat mengamalkan sekularisme, al-Nahdah tidak diberikan hak untuk berpartisipasi dalam politik di Tunisia. Demi mengaburi pandangan rejim pemerintah, al-Nahdah telah melalui proses penilaian semula wacana dan pendekatan mereka. Semasa pilihan raya pertama di Tunisia pasca *Arab Spring* pada tahun 2011, al-Nahdah dan Ghannouchi telah membuat kemunculan semula dalam arena politik Tunisia (sebelum revolusi, Ghannouchi menetap di Eropah di bawah suaka politik) dengan wacana baharu yang mula menampilkan ciri-ciri pasca Islamisme. Kemuncaknya ialah pada tahun 2016, di mana Ghannouchi sendiri mengumumkan secara terbuka bahawa gerakan politik tersebut telah meninggalkan Islamisme dan menjadi sebuah parti beridentiti demokrat Muslim (Middle East Eye 2016; Ghannouchi 2016).

Pada dasarnya, pasca Islamisme lahir bilamana Islamis berpandangan bahawa wacana Islamisme telah mengalami ketepuan. Maka, pendukungnya bertindak meninggalkan Islamisme dengan mendukung idea-idea pasca Islamisme. Secara ideanya, sebuah entiti pasca Islamis tidak lagi berpegang sepenuhnya kepada idea asal Islamisme yang dipegang sebelumnya. Gerakan yang beridentiti pasca Islamisme cenderung untuk mengasimilasikan Islam dengan demokrasi dan hak asasi. Malah, prinsip-prinsip demokrasi dan hak asasi dilihat sebagai matlamat tertinggi yang perlu dicapai. Pandangan ini menyebabkan mereka tidak lagi memperjuangkan penubuhan sebuah negara Islam yang menegakkan syariat dan orde Islam, sebaliknya meletakkan matlamat bagi menubuhkan sebuah negara sivil yang menjamin nilai-nilai demokrasi. Sebuah negara sivil tidak mementingkan pelaksanaan undang-undang syariat kerana dari perspektif pendukung pasca Islamisme, intipati kepada syariat seperti keadilan, kebebasan dan urus tadbir yang baik lebih penting untuk ditegakkan tanpa mengira kerangka politik yang diperjuangkan. Disebabkan itulah gerakan pasca Islamis tidak menentang negara sekular sekiranya gerakan tersebut mampu memberikan ruang dan kebebasan kepada warganya untuk mengamalkan tuntutan agama dan menjalankan kehidupan secara aman. Pemahaman terhadap keperluan kepada

sebuah negara Islam menjadi sempadan pemisah yang utama antara Islamisme dan pasca Islamisme. Bagi Islamis, sebuah negara Islam perlu untuk diperjuangkan bagi memastikan syariat Islam dapat dilaksanakan secara sepenuhnya. Pasca Islamis pula berpandangan sebaliknya kerana melihat sifat negara bangsa dalam konteks moden pada hari ini sebagai sebuah “entiti sekular” yang tidak boleh untuk “diislamkan” (Mahdavi 2020).

Sepertimana Islamisme, pasca Islamisme juga mempunyai “pelbagai wajah”. Secara ideanya, pasca Islamisme merupakan reaksi Islamis terhadap realiti setempat yang mendorongnya untuk mengalihkan wacananya daripada Islamisme kepada pasca Islamisme. Muhammad Ansor (2016) merumuskan premis pasca Islamisme kepada dua perspektif. Perspektif pertama dimanifestasikan melalui pandangan bahawa agama mempunyai keterbatasan dan tidak relevan dalam politik. Manakala perspektif kedua pula melihat potensi idea Islamisme untuk melalui proses evolusi bagi memenuhi keperluan semasa. Penulis berpendapat, kedua-dua perspektif yang berbeza ini masing-masing akan menatijahkan hasil yang berbeza mengenai identiti dan pendekatan sesebuah entiti Islamis. Perspektif pertama akan mendorong kepada lahirnya entiti bukan Islamis secara sepenuhnya berikutan kehilangan harapan terhadap Islam sebagai sumber aspirasi politik. Manakala perspektif kedua akan melahirkan entiti pasca Islamis yang meluaskan lagi tafsiran terhadap pemahaman politik Islam dalam ruang lingkup moden berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi dan hak asasi. Pendukung pasca Islamisme cenderung kepada pandangan bahawa peranan agama perlu dihadkan dalam urusan pentadbiran supaya sifat keneutralan negara dapat dipelihara. Liberalisasi idea pasca Islamisme yang lebih ekstrem pula akan melahirkan gerakan-gerakan bukan Islamis secara sepenuhnya yang bersifat sekular dan mengadaptasi ideologi lain.

Walau bagaimanapun, peralihan idea dan pendekatan gerakan Islamis tidak terikat dengan kedinamikan ini secara mutlak. Sebaliknya, faktor sikap dan pendirian terhadap realiti semasa di mana mereka berada turut mempengaruhi orientasi tersebut. Dalam membincangkan mengenai kebangkitan semula (*revival*) gerakan-gerakan Islamis, Lynch (2022) menyenaraikan beberapa faktor, antaranya kebolehan Islamis dalam beradaptasi secara politik, kelebihan sebagai kumpulan pembangkang dan pendesak, statusnya sebagai entiti yang sederhana dan penilaian

semula ideologi. Mengambil kira faktor-faktor ini, gerakan-gerakan Islamis mempunyai sebab untuk mengekalkan idea asal mereka, sekiranya mereka mahu, kerana sebahagiannya terbukti mampu meneruskan kelangsungan tanpa perlu mengubah orientasi perjuangan.

KESIMPULAN

Islamisme merupakan fenomena yang tercetus di dunia Islam bermula dari awal kurun ke-20. Islamisme ialah satu bentuk manifestasi bagi ikhtiar manusiawi yang dirangka oleh Muslim yang mempunyai kesedaran untuk menjadikan Islam sebagai sistem hidup yang mampu berperanan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Justeru, Islamisme merupakan sebuah “ideologi” lantaran Islamisme merupakan hasil olahan manusia terhadap tuntutan Islam serta mempunyai perspektif ideologikal dan praktikal. Faktor pengalaman sejarah (keadaan politik yang mencabar pada awal kurun ke-20) dan faktor fungsional politik (keluasan peranan politik bagi tujuan pengislahan) menjadikan tumpuan idea Islamisme banyak tertumpu kepada perihalan politik.

Sebagai sebuah idea, Islamisme mempunyai prinsip dan programnya yang tersendiri. Prinsip Islamisme terdiri daripada faham kesempurnaan Islam, penolakan terhadap idea-idea Barat dan penyeruan supaya kembali kepada tradisi asal Islam. Manakala program Islamisme pula merangkumi pembentukan orde Islam, penubuhan negara Islam dan pelaksanaan syariat Islam. Sebagai sebuah ideologi politik, Islamisme tidak bersifat statik dan telah melalui perkembangan idea. Idea Islamisme yang mengalami perkembangan kemudiannya memberi kesan kepada pembentukan kriteria bagi identifikasi entiti-entiti Islamis, pasca Islamis dan bukan Islamis.

Dari sudut sumbangan kepada literatur, makalah ini telah mengemukakan konsep Islamisme dan kerangka identiti Islamisme yang tersendiri. Konsep Islamisme yang jelas penting supaya sempadan dapat diwujudkan dalam membincangkan mengenai subjek tersebut. Manakala kerangka identiti Islamisme pula penting sebagai asas untuk mengidentifikasi sesebuah gerakan atau entiti dengan identiti Islamisme. Konsep serta kerangka identiti Islamisme ini boleh dijadikan asas perbincangan bagi kajian-kajian di masa akan datang, lebih-lebih lagi untuk menentukan sama ada sesebuah entiti itu beridentiti Islamis atau sebaliknya.

RUJUKAN

- Abdelgawad, D. S. M. 2012. Muslim Brothers in Egypt: Politics of Generational Gaps. Tesis Sarjana, American University in Cairo, Cairo.
- Ahmad Sunawari Long. 2017. *Kebangkitan Semula Islam sehingga Pasca Islamisme*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Attas, S. M. N. 2013. *Islām Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Aykaç, B. & Durgun, Ş. 2022. Islamism in Turkey from a Socio-Political Aspect: Post-Islamism Oriented Approaches. *Journal of Public Affairs* 22: e2743.
- Ayoob, M. 2008. *The Many Faces of Political Islam*. Singapore: NUS Press.
- Azzam, M. 2006. Islamism Revisited. *International Affairs* 82(6): 1119-1132.
- Bayat, A. 1996. The Coming of a Post-Islamist Society. *Critique: Journal for Critical Studies of the Middle East* 5(9): 43-52.
- Bulaç, A. 2012. On Islamism: Its Roots, Development and Future. *Insight Turkey* 14(4): 67-85.
- Dogan, R. 2020. *Political Islamists in Turkey and the Gülen Movement*. Champ: Palgrave Macmillan.
- Dokhanchi, M. 2020. Post-Islamism Redefined: Towards a Politics of Post-Islamism. *Journal of the Contemporary Study of Islam* 1(1): 28-54.
- Emmerson, D. K. 2010. Inclusive Islamism: The Utility of Diversity. Dalam *Islamism: Contested Perspectives on Political Islam*, disunting oleh R. C. Martin & A. Barzegar, 17-32. Stanford: Stanford University Press.
- Ghannouchi, R. 2016. From Political Islam to Muslim Democracy: The Ennahda Party and the Future of Tunisia. *Foreign Affairs* 95(5): 58-67.
- Imad, A. G. 2019. Post-Islamism: Ideological Delusions and Sociological Realities. *Contemporary Arab Affairs* 12(3): 3-20.
- Khan, M. A. M. 2001. The Political Philosophy of Islamic Resurgence. *Cultural Dynamics* 13(2): 211-229.
- Kömeçoğlu, U. 2014. Islamism, Post-Islamism, and Civil Islam. *Current Trends in Islamist Ideology* 16: 16-32.
- Lynch, M. 2022. The Future of Islamism through the Lens of the Past. *Religions* 13: 113.
- Mahdavi, M. 2020. Wither Post-Islamism: Revisiting the Discourse/Movement After the Arab Spring. Dalam *Arab Spring: Modernity, Identity and Change*, disunting oleh Eid Mohamed & Dalia Fahmy, 15-38. Cham: Palgrave Macmillan.
- Mamud, Y. A. 2018. A Brief Historical Discourse of the Concept of Islamism. *International Journal of Innovation and Research in Educational Sciences* 5(4): 434-439.
- Maslee Malik 2016. Pasca Islamisme atau Wacana Baru Gerakan Islam? Dalam *Generasi Kedua Politik Islam: Wacana Baru Gerakan Islam*, disunting oleh Maslee Malik & Zulkifli Hasan, 3-13. Selangor: Ilham Books.

- Middle East Eye. 2016. Ennahda Leader Ghannouchi: 'We are Muslim Democrats, Not Islamists'. *Middle East Eye*, 23 Mei. <https://www.middleeasteye.net/news/ennahda-leader-ghannouchi-we-are-muslim-democrats-not-islamists>. Diakses pada: 12 Januari 2024.
- Mozaffari, M. 2007. What is Islamism? History and Definition of a Concept. *Totalitarian Movements and Political Religions* 8(1): 17-33.
- Muhammad Ansor. 2016. Post-Islamism and the Remaking of Islamic Public Sphere in Post-Reform Indonesia. *Studia Islamika* 23(3): 471-515.
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2019. Perkembangan Islamisasi di Turki Era Erdoğan (2002-2010): Pendekatan, Usaha dan Cabaran. *Akademika-Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 89(1): 131-144.
- Muktafi, Abdullah Haq Al Haidary & Mukhammad Zamzani. 2022. Rereading Sayyid Qutb's Islamism and Political Concept of *al-Hākimiyyah*: A Critical Analysis. *Afkar* 24(1): 271-310.
- Mura, A. 2015. *The Symbolic Scenarios of Islamism: A Study in Islamic Political Thought*. Farnham: Ashgate.
- Osman, T. 2017. *Islamism A History of Political Islam from the Fall of the Ottoman Empire to the Rise of ISIS*. New Haven & London: Yale University Press.
- Sinanovic, E. 2006. How to Study Social Phenomena in Muslim Societies?: Ideas, Islamic Revivalism, and Political Science. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 2(1): 41-68.
- Spohn, W. 2003. Multiple Modernity, Nationalism and Religion: A Global Perspective. *Current Sociology* 51(3): 265-286.
- Tibi, B. 2012. *Islamism and Islam*. New Haven & London: Yale University Press.
- Yilmaz, I. 2011. Beyond Post-Islamism: Transformation of Turkish Islamism toward 'Civil Islam' and Its Potential Influence in the Muslim World. *European Journal of Economic and Political Studies* 4(1): 67-81.

Muhammad Khalis Ibrahim
 Pusat Sains Kemanusiaan,
 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,
 Pahang, Malaysia
 E-mel: khalis@ump.edu.my / khalismuhammad92@gmail.com